

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 19 MAC 2015

SOALAN:

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil kajian yang dijalankan berhubung dengan penguatkuasaan gaji minimum dan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menjalankan kajian lanjut berkenaan gaji minimum berdasarkan pada kriteria berikut:-

- (a) gaji minimum untuk pekerja tempatan seharusnya lebih tinggi daripada pekerja asing berikutan kos hidup pekerja tempatan adalah lebih tinggi kerana menampung bayaran rumah, kenderaan, utiliti dan sebagainya; dan
- (b) gaji minimum seharusnya berbeza untuk pekerja yang telah lama berkhidmat dengan pekerja yang baru sahaja mula bekerja dan gaji minimum dikelaskan mengikut jenis industri atau saiz perniagaan yang dijalankan.

PR-1331-L67174

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa pelaksanaan gaji minimum dengan membezakan kadar gaji minimum mengikut pengalaman kerja atau senioriti, jenis industri atau saiz perniagaan serta mengikut kewarganegaraan adalah tidak sesuai dilaksanakan.
2. Pendirian MPGN ini adalah berasaskan bahawa konsep dasar gaji minimum ini bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (*floor wage*) atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya sebagai gaji keseluruhan pekerja.
3. Sehubungan dengan itu, MPGN menyarankan adalah lebih sesuai penetapan gaji mengikut pengalaman kerja atau senioriti ditetapkan berdasarkan *market forces* atau budi bicara majikan atau industri itu sendiri secara pentadbiran. Ini adalah kerana pihak majikan atau industri lebih memahami operasi industri dan seterusnya menetapkan kadar yang sesuai terhadap pekerja mereka berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh pekerja terbabit mengikut industri yang diceburi.

4. Disamping itu juga, pendirian MPGN dalam menetapkan kadar gaji minimum yang seragam tanpa membezakan warganegara seseorang adalah selaras dengan Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997. Malah dalam seksyen 60L Akta Kerja 1955, seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak secara jelas telah menyatakan bahawa sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah tidak dibenarkan.

5. Berdasarkan asas-asas yang dinyatakan, Kementerian berpandangan tidak timbul isu untuk merangka dasar gaji minimum berbeza mengikut warganegara, senioriti pekerja, jenis industri ataupun saiz perniagaan.